



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

AMANAT TAHUN BAHARU 2026: KESUMA PACU REFORMASI BURUH, LINDUNG PEKERJA DAN PERKUKUH KEMAHIRAN NEGARA

Putrajaya, 15 Januari 2026 – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) hari ini menegaskan komitmen untuk memperkukuh kebajikan pekerja, melonjakkan pembangunan kemahiran dan mempercepatkan reformasi perburuhan negara selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI menerusi Amanat Tahun Baharu 2026 yang disampaikan oleh YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Menteri Sumber Manusia.

Bagi tahun 2026, KESUMA akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan Dasar Sumber Manusia Negara (DSMN) 2026–2030, melaksanakan reformasi terhadap 26 undang-undang buruh, serta mempercepatkan pendigitalan perkhidmatan utama termasuk Mahkamah Buruh dan sistem PERKESO bagi memastikan penyampaian yang lebih pantas, telus dan berkesan kepada rakyat.

Dalam aspek perlindungan pekerja, KESUMA akan melaksanakan kajian semula Perintah Gaji Minimum, memperluas pelaksanaan Skim Lindung 24 Jam, memperkukuh keharmonian perusahaan melalui Indeks Keharmonian Industri Nasional, serta memperkasakan peranan kesatuan sekerja dan keselamatan serta kesihatan pekerjaan.

Agenda peningkatan kemahiran pula akan terus dipacu melalui pemeraksanaan TVET dengan sasaran 35 peratus tenaga kerja mahir menjelang 2030, peluasan latihan bersasar termasuk peruntukan tambahan RM100 juta PTPK untuk pekerja gig e-hailing dan p-hailing, serta pengukuhan rangkaian bakat negara melalui inisiatif seperti Geran LIKES TalentCorp dan pembangunan sektor ekonomi High Growth High Value (HGHV).

Dalam amanat yang sama, YB Menteri turut merakamkan penghargaan kepada kepimpinan terdahulu serta seluruh warga KESUMA atas pencapaian cemerlang sepanjang tahun 2025, termasuk pelaksanaan penuh Gaji Minimum RM1,700 yang memberi manfaat kepada lebih 4.4 juta pekerja, peluasan perlindungan kepada 1.2 juta pekerja gig menerusi penggubalan Akta Pekerja Gig 2025, serta pengenalan Skim Lindung 24 Jam PERKESO yang kini melindungi 9.6 juta pencarum.

Beliau juga memaklumkan bahawa kadar pengangguran negara menurun ke 2.9 peratus, paras terendah dalam tempoh 11 tahun, dengan lebih 100,000 peluang pekerjaan baharu diwujudkan hasil kestabilan pasaran buruh dan pelaksanaan dasar yang bersasar.

YB Menteri menegaskan bahawa setiap dasar KESUMA berpaksikan prinsip memudah cara rakyat, memastikan setiap pekerja menikmati kehidupan yang bermaruah serta memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab sumber manusia berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Majlis turut diserikan dengan ucapan Selamat Menyambut Perayaan Ponggal kepada komuniti India beragama Hindu, mencerminkan semangat perpaduan dan kebersamaan negara.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

15 JANUARI 2026

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	